




# SOROTAN 2024

SOROTAN 2024: PRESTASI PASARAN MODAL  
PRESTASI 5 TAHUN (2020-2024)

Keseluruhan Saiz Pasaran Modal



- Jumlah saiz pasaran modal meningkat 9.7% tahun ke tahun kepada RM4.2 trilion pada 2024, didorong oleh pertumbuhan dalam kedua-dua permodalan pasaran ekuiti dan jumlah bon dan sukuk belum tebus.
- Sejak 2020, jumlah pasaran telah berkembang 5.5% setahun\*, dengan bon dan sukuk belum tebus berkembang 7.1% dan permodalan pasaran ekuiti 4.0% setahun.

\* Berdasarkan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR).  
# Jumlah mungkin tidak tepat sepenuhnya kerana pembundaran.

Saiz Pasaran Modal Islam




- Sehubungan itu, pasaran modal Islam (ICM) berkembang 8.5% pada 2024.
- Sejak 2020, jumlah ICM telah berkembang 5.3% setahun\*, didorong oleh pertumbuhan dalam sukuk belum tebus (7.1%), dan ekuiti patuh syariah (3.6%).

\* Berdasarkan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR).  
# Jumlah mungkin tidak tepat sepenuhnya kerana pembundaran.

## SOROTAN 2024: PRESTASI PASARAN MODAL

### PRESTASI 5 TAHUN (2020-2024)


#### Jumlah Pengumpulan Dana Ekuiti dan Hutang



- Jumlah pengumpulan dana dalam pasaran dan bon meningkat 8.7% dari 2023, kepada RM138.9 bilion (2023: RM127.7 bilion diperoleh), didorong oleh peningkatan ketara dalam aktiviti pengumpulan dana utama (dengan jumlah rekod 55 IPO) dan momentum berterusan dalam terbitan bon dan sukuk.

# Jumlah mungkin tidak tepat sepenuhnya kerana pembundaran.

#### Pengumpulan Dana Alternatif



- Saluran pembiayaan alternatif terus memudahkan pembiayaan kepada PMKS dan MTC, mengumpul RM4.1 bilion pada 2024, didorong terutamanya oleh pertumbuhan menggalakkan dalam pembiayaan P2P, sejajar dengan usaha berterusan untuk merangsang pembiayaan bagi perniagaan pelbagai saiz.


# Jumlah mungkin tidak tepat sepenuhnya kerana pembundaran.



## SOROTAN 2024: PRESTASI PASARAN MODAL

### PRESTASI 5 TAHUN (2020-2024)

#### Industri Pengurusan Dana AUM



- **AUM bagi industri pengurusan dana** mencecah paras RM1 trilion, selepas **berkembang 9.6% kepada RM1.07 trilion** dipacu oleh prestasi pasaran ekuiti global yang kukuh

# Jumlah mungkin tidak tepat sepenuhnya kerana pembundaran.

## SOROTAN 2024: TINDAKAN PENGAWALSELIAAN

Tindakan pengawalseliaan pantas untuk pencegahan yang boleh dipercayai

## TINDAKAN JENAYAH

1

sabitan  
diperoleh
**RM 3.0 mil**  
denda mahkamah

## KOMPAN

1

individu  
dikompau
**RM 0.8 mil**


jumlah kompau

## TINDAKAN SIVIL

**RM 9.87 mil**  
penalti sivil dikenakan

**RM 1.86 mil**  
Dikembalikan  
kepada **168** pelabur

**RM 12.04 mil**  
Jumlah pemulangan hasil  
tidak wajar

**3**

tindakan sivil selesai  
(melibatkan 4 defendan)

## TINDAKAN PENTADBIRAN


**125**
sekatan  
pentadbiran  
dikenakan
**54**
teguran  
dikeluarkan
**62**
penalti / denda  
yang dikenakan  
berjumlah
**RM 13.72 mil**



## SOROTAN 2024: INISIATIF UTAMA



### Memudahkan rangka kerja pengawalseliaan untuk mengimbangi keperluan pembangunan dengan perlindungan pelabur

- Memastikan pengawasan dan penyeliaan proaktif, disokong oleh keupayaan dalaman yang dipertingkatkan dan mengukuhkan kerjasama pengawalseliaan rentas sempadan.
- Langkah perlindungan pelabur diperhebat, termasuk pengesanan tepat pada masanya dan intervensi terhadap aktiviti penipuan dan tidak berlesen serta menjelaskan layanan terhadap pengawalseliaan untuk 'pempengaruh kewangan'.
- Menegakkan piawaian pasaran dalam pelesenan dan kelulusan produk, sambil mempercepatkan masa ke pasaran melalui pengenalan proses pelesenan dan IPO yang dipercepatkan.
- *Sandbox* Pengawalseliaan (*Regulatory Sandbox*) SC dilancarkan untuk menyediakan persekitaran terkawal bagi menguji produk dan perkhidmatan inovatif yang tidak sepenuhnya sesuai dengan rangka kerja kawal selia sedia ada, sambil memastikan perlindungan pelabur yang mencukupi.



### Memperkukuh ekosistem pengumpulan dana untuk perniagaan di semua peringkat

- Melancarkan *Merangsang Akses PMKS dan MTC kepada Pasaran Modal: Pelan Hala Tuju 5 Tahun (2024-2028)* untuk memacu pembiayaan yang lebih besar untuk PMKS dan MTC.
- Melancarkan *Rangka Kerja Pelaburan Berimpak*, dan bersama dengan Dana Pelaburan Bersama Malaysia (MyCIF), pendanaan ekuiti ramai (ECF) serta pembiayaan antara rakan setara (pembiayaan P2P) dapat terus menawarkan penyelesaian pembiayaan khusus bagi segmen strategik (pertanian, perusahaan sosial, ESG dan lain-lain).
- Mengeluarkan *Panduan Praktikal Mengenai Modal Teroka dan Ekuiti Persendirian di Malaysia* untuk memberikan kejelasan peraturan yang lebih tinggi, dan memperkenalkan VC Golden Pass untuk menarik bakal pelabur dan pengamal modal teroka untuk menapak di Malaysia.



### Menerapkan kemampunan, tadbir urus korporat dan impak sosial dalam pasaran modal

- Melancarkan *Rangka Kerja Pelaporan Kemampunan Kebangsaan (NSRF)* untuk meningkatkan standard pendedahan kemampunan korporat Malaysia.
- Mengumumkan penubuhan Bursa Sosial (*Social Exchange*) untuk memudahkan pengumpulan dana untuk projek dengan hasil sosial positif.
- Menerbitkan *CG Monitor 2024* menyerlahkan tahap tinggi penggunapakaian PLC terhadap *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia* (MCCG) 2021, menandakan komitmen yang kukuh terhadap tadbir urus.

## SOROTAN 2024: INISIATIF UTAMA



### Meluaskan penyertaan pasaran untuk memperkasakan pelabur dan mengembangkan asas modal

- Melancarkan Skim Pejabat Keluarga Tunggal (SFO) untuk menarik pejabat keluarga melalui rangka kerja pengawalseliaan yang memudahkan dan insentif fiskal.
- Meluaskan pengkategorian pelabur sofistikated kepada kumpulan pelabur yang lebih pelbagai.
- Terus mendemokrasikan akses kepada saluran pelaburan melalui bursa aset digital (DAX), platform pengurusan pelaburan digital (DIM) dan platform e-perkhidmatan.



### Meningkatkan pendidikan dan jangkauan pelabur untuk penyertaan yang lebih tinggi

- Melaksanakan program masyarakat dan kesedaran melalui platform seperti InvestSmart® dan Rangkaian Pendidikan Kewangan (FEN); menjangkau kira-kira 1,922,969 peserta melalui 51 acara.
- Program perdana seperti SCxSC, FIKRA ACE, NaviGate: Siri Pembiayaan Pasaran Modal Hijau dan *ELEVATE*, terus menghubungkan perniagaan kepada peluang pembiayaan dalam pasaran modal.



